Pejabat MMK
Belia dan Sukan
Negeri Pulau Pinang

PYDC
PENANG YOUTH DEVELOPMENT CORPORATION

YOUTH for Future





BELIA UNTUK MASA DEPAN











PENANG 2030





Untuk Belia ◆ Untuk Anda



PERUTUSAN

KETUA MENTERI PULAU PINANG

YAB TUAN CHOW KON YEOW

Salam Sejahtera.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan bersama-sama dengan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) atas komitmen dan kerjasama erat dalam memastikan kejayaan penerbitan buku "Belia Untuk Masa Depan".

Selaras dengan hasrat dan matlamat Visi Penang2030–Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, cetakan dan edaran buku ini kelak sudah pasti akan menyediakan saluran dan menjadi platform yang terbaik untuk rujukan dan nilai tambah kepada ilmu pengetahuan sedia ada terutamanya dalam melahirkan golongan belia yang berwibawa, dinamik dan progresif.

Melalui pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan termasuklah tiga (3) aspek yang diberikan penekanan seperti Pembangunan Diri, Pembangunan Sosial dan Pembangunan Ekonomi, adalah diharapkan agar golongan belia Pulau Pinang dapat meneroka minat dan mengembangkan bakat sedia ada.

Kerajaan Negeri mengulangi pendirian dan komitmen kita untuk terus memastikan agenda pembangunan belia di Pulau Pinang ini bergerak seiring dengan sasaran kita untuk membangunkan generasi harapan negara ini secara holistik dan mampu bersaing pada peringkat global.

Sekian, terima kasih.

P E R U T U S A N

EXCO BELIA DAN SUKAN
NEGERI PULAU PINANG

YB TUAN SOON LIP CHEE



Salam sejahtera dan salam belia untuk masa depan,

Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan telah melancarkan inisiatif 'Belia Untuk Masa Depan' untuk menggerakkan pembangunan belia di negeri Pulau Pinang dari segi pembangunan diri, sosial dan ekonomi.

Meskipun kita masih berhadapan dengan pandemik Covid-19, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) masih bertekad untuk terus melonjakkan pembangunan belia seiring dengan inisiatif 'Belia Untuk Masa Depan' agar aspek pembangunan golongan ini tidak dipinggirkan. Dalam pada itu, pihak kerajaan negeri telah memberikan komitmen penuh untuk melaksanakan pelbagai program dalam tempoh ini secara menyeluruh agar manfaatnya dapat dinikmati oleh setiap pemuda-pemudi di negeri ini.

Inisiatif yang dilancarkan ini juga adalah selari dengan Visi Penang2030 yang digagaskan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Salah satu tema strategik Penang 2030 yang ditegaskan adalah '*Boost participation of youth, women and seniors in community life*'. Pelbagai program telah berjaya dianjurkan oleh PYDC bagi mengusahakan inisiatif untuk menggalakkan penglibatan belia dalam kesukarelawanan (*Volunteerism*) dan pemerkasaan komuniti (*community empowerment*). Ini termasuklah Sukarelawan Belia Pulau Pinang, Kempen Undi18, Kempen Umur18 Jadi Calon, Sidang Muda dan '*Youth Entrepreneurship Challenge*'.

Sesungguhnya, belia merupakan asas kemajuan sebuah negara dan usaha-usaha untuk membangunkan golongan belia haruslah diperkukuhkan demi membina masyarakat ataupun pemimpin negera yang konstruktif untuk masa kelak.

Sekian, terima kasih.



PERUTUSAN

PENGURUS BESAR
PERBADANAN PEMBANGUNAN BELIA
PULAU PINANG

DR GWEE SAI LING

Salam sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan Pulau Pinang kerana telah memberi kepercayaan kepada Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) untuk melaksanakan inisiatif dalam memastikan perkembangan belia di Pulau Pinang.

Saya percaya setiap orang ada bakat mereka tersendiri, jadi kita sebagai agensi Kerajaan Negeri haruslah menyediakan platform kepada mereka untuk mengasah bakat dan minat mereka agar mereka terus berkembang dan menjadi yang terbaik. Saya yakin dengan pelbagai inisiatif yang dijalankan, golongan belia kita dapat berkembang dan terus maju jika mereka terus istiqamah dalam perkara yang mereka lakukan.

Platform '*For Youth For You*' telah diadakan untuk golongan belia sebagai ruang untuk mereka belajar, berkembang dan juga melengkapkan mereka untuk menghadapi cabaran pada masa akan datang. Pelbagai inisiatif dari pelbagai aspek telah dan akan dilaksanakan oleh PYDC dan saya menyeru agar lebih ramai belia cakna akan inisiatif yang dijalankan dan mengikuti inisiatif tersebut agar kita bersama-sama merealisasikan potensi dan seterusnya menyumbang kepada negara kita yakni Malaysia.

Oleh hal yang demikian, besarlah harapan saya agar semua pihak yang berkenaan dapat bekerjasama dengan PYDC untuk menyediakan lebih banyak peluang dan ruang kepada golongan belia kita untuk terus maju. Akhir kata, saya ingin menyeru kepada belia untuk terus menyahut cabaran yang ada dan usah rasa gentar untuk mencuba cabaran baru kerana kita tidak akan tahu had jika kita tidak mencabar diri kita sendiri. Jadi, ayuhlah anak muda, kita bangkit bersama mengorak langkah demi memperkasakan tanah air tercinta.

Sekian, terima kasih.



Belia adalah tonggak masa depan negara dan aset penting untuk pembangunan negara. Inisiatif "Belia Untuk Masa Depan" merupakan satu perancangan yang dilaksanakan untuk tempoh masa yang panjang bagi membangunkan belia dan anak muda di Pulau Pinang dan menyediakan belia kita untuk menghadapi cabaran masa depan mereka serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Pelaksanaan "Belia Untuk Masa Depan" memerlukan kerjasama antara sektor yang berlainan seperti agensi-agensi kerajaan, insitusi pendidikan, NGO, dan pihak swasta supaya dapat mencapai objektif inisiatif ini dengan lebih efektif. Inisiatif "Belia Untuk Masa Depan" telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah MMK Belia dan Sukan pada bulan November 2019.

Di bawah Inisiatif ini, pelbagai program dilancarkan bagi membangunkan anak muda di Pulau Pinang dan menyiapkan diri mereka untuk menghadapi cabaran masa depan mereka serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Selaras dengan inisiatif pembangunan "Belia untuk Masa Depan" program yang dilaksanakan akan memberikan fokusnya kepada tiga segi utama, iaitu:

(i) Pembangunan Ekonomi
(ii) Pembangunan Sosial, dan
(iii) Pembangunan Diri

BELIA UNTUK MASA DEPAN

Pembangunan Ekonomi

Pembangunan Sosial

Pembangunan Diri

PEMBANGUNAN BELIA

Selari dengan inisiatif 'Belia Untuk Masa Depan', Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PYDC menganjurkan pelbagai program pembangunan belia berasaskan landasan 6 peringkat pembangunan belia Pulau Pinang sebagai Wawasan Masa Depan Belia Pulau Pinang.

LONCATAN 6 PERINGKAT PEMBANGUNAN





Perkembangan
SOSIAL

Kemajuan
KERJAYA



Pengukuhan
AKADEMIK







Pembangunan
KREATIF

Penambahbaikan
DIRI



Peningkatan
KEMAHIRAN



Belia ke arah masa depan bergerak secara progresif merentas 6 peringkat pembangunan



KANDUNGAN

Perutusan
Ketua Menteri Pulau Pinang
01 EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi PYDC
02 Pengurus Besar PYDC

03 **Belia Untuk Masa Depan**
04 **Pembangunan Belia**
06 Pengukuhan Akademik
10 Kemajuan Kerjaya
14 Perkembangan Sosial
18 Peningkatan Kemahiran
22 Penambahbaikan Diri
24 Pembangunan Kreatif



Pengukuhan AKADEMIK



Kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi



Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama institusi pengajian tinggi dilaksanakan untuk mengeratkan hubungan, meneguhkan dan menggalakkan lagi penyertaan belia dalam aktiviti kesukarelawanan, peluang pekerjaan untuk belia dan juga kolaborasi dalam aktiviti keusahawanan. Dengan adanya MoU ini, PYDC dan pihak institusi pengajian tinggi akan dapat berkongsi sumber yang ada untuk memartabatkan lagi belia kita secara holistik.

Persefahaman antara PYDC dan institusi pengajian tinggi ini diharap dapat memberi tunjuk ajar yang lebih mendalam kepada para belia tentang kepentingan kemahiran teknikal dan juga kemahiran insaniah dalam kehidupan bekerjaya kelak.







Institusi-Institusi Pengajian Tinggi

- Advance Tertiary College
- DISTED College
- Han Chiang UC
- INTI College Penang
- IPK College
- Manipal International University
- MSU College Penang
- Multimedia University
- Peninsula College Penang
- PSDC
- SEGi College Penang
- Sentral College
- TARUC
- UNIMY
- UNITAR University
- UOW-KDU Penang
- USM



"Ke arah peningkatan kebolehpasaran mahasiswa di pasaran buruh dan dunia digital…"

Upacara Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU)



Digitalisasi Belia Pulau Pinang


Digitalisasi Belia Pulau Pinang anjuran PYDC dan Exabytes Sdn. Bhd. merupakan salah satu inisiatif untuk menggalakkan golongan belia kita untuk menceburi bidang digital disamping memperkasakan kemahiran penggunaan platform digital. Sebagai inisiatif tanggungjawab korporat sosial (CSR), Exabytes Sdn. Bhd. menaja domain dan hosting percuma kepada belia yang masih belajar.

Tajaan ini yang terbuka kepada 1000 pelajar menerima pendaftaran sehingga penghujung tahun 2022. Semua belia yang masih lagi belajar digalakkan untuk mendaftar tanpa mengira latar belakang akademik.





Digitalise Penang For Youth




Penulisan Lajur

Column Writing

Penulisan lajur dengan pelbagai tema telah dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam kalangan belia. Dengan pelaksanaan program ini, kesedaran sosial dalam kalangan belia dapat ditingkatkan dan secara tidak langsung dapat melatih golongan belia dalam menghuraikan pendapat mereka secara rasional dari pelbagai perspektif.





- Malaysia Prihatin
- Umur 18 Jadi Calon
- Stop Cyberbullying
- Let's Practice Volunteerism
- Be a Boss or Be a Leader
- Fight Against Depression
- Can Virtual Classes Replace Traditional Learning

Persidangan Belia Antarabangsa Pertama

IYC 1st International Youth Conference

Persidangan Belia Antarabangsa Pertama yang telah dilaksanakan oleh PYDC buat pertama kalinya telah disertai oleh peserta dari 18 buah negara. Persidangan ini yang berfokuskan Peranan Belia dalam Era Industri 4.0 telah menarik lebih dari 500 peserta dari pelbagai latar belakang akademik dan taraf pendidikan.

Objektif persidangan ini diadakan adalah untuk mendorong mahasiswa-mahasiswi belia untuk membuat lebih banyak penyelidikan dan menggalakkan projek kolaboratif antara institusi pengajian tinggi dan industri.







Bengkel Pengukuhan Akademik

Student Enrichment Program

Bengkel Pengukuhan Akademik dilaksanakan untuk mempersiapkan belia dan menunjukkan mereka ke arah yang betul sebelum peperiksaan SPM and STPM mereka yang akan datang. Sesi perkongsian atas talian ini bukan sahaja merangkumi subjek akademik, bahkan ia juga merangkumi subjek seperti cara belajar berkesan dan cara menangani stres.

Sesi Perkongsian
Atas Talian
Bidang Akademik


- Matematik • Biologi
- Kimia • Fizik
- Prinsip Perakaunan
- Matematik Tambahan dan Matematik



Kemajuan KERJAYA




Portal Kerjaya: *We Want You!*



We Want You!

Portal Kerjaya We Want You! adalah satu inisiatif oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengurangkan kadar pengangguran di Pulau Pinang sejak Jun 2020. Portal ini adalah satu platform yang meliputi peluang pekerjaan dengan pelbagai latar belakang profesion, teknikal mahupun bukan teknikal.







Untuk maklumat lebih lanjut, layari
https://pydc.com.my/career.





Pencari Kerja

Membantu untuk mendapat pekerjaan terbaik

We Want You!

Membantu untuk mencari bakat yang terbaik

Majikan

Anda seorang majikan atau dari sumber manusia yang mencari bakat yang terbaik? Atau anda seorang yang mencari peluang yang terbaik dan pekerjaan yang sesuai untuk anda? Maka, inilah platform untuk anda!

Platform We Want You:

- **Tiada kos**
- **Kumpulan bakat yang pelbagai**
- **Pelbagai kategori pekerjaan**
- **Portal mesra pengguna**
- **Kemaskini aplikasi segera tersedia**

Untuk mendapatkan garis panduan, imbas Kod QR di bawah.





Cabaran Keusahawanan Belia

Cabaran Keusahawanan Belia terdiri daripada tiga aspek, (1) Bengkel Penyediaan Perniagaan; (2) Cabaran Keusahawanan Belia; dan (3) Penang Start-Up Accelerator Program. Walaupun inisiatif ini terdiri daripada tiga aspek, tetapi peserta boleh memilih untuk menyertai hanya satu aspek atau ketiga-tiganya sekali.



Bengkel Penyediaan Perniagaan

Untuk menyediakan dan melengkapkan belia kita untuk memulakan syarikat permulaan (start-up), bengkel penyediaan perniagaan telah dilaksanakan. Bengkel ini memberi pendedahan kepada para belia tentang aspek-aspek utama bidang perniagaan dan telah dijalankan oleh penceramah yang berpengalaman luas dalam bidang keusahawanan.





YEC

Youth Entrepreneurship Challenge



Cabaran Keusahawanan Belia (YEC)

Setelah bengkel penyediaan perniagaan dilaksanakan, satu inisiatif dimana para belia boleh memasuki pertandingan untuk menyediakan kertas cadangan perniagaan dilakukan. Semua pelan perniagaan yang dihantar akan disemak dan dinilai oleh panel juri yang terdiri dari ahli professional industri. Bukan sahaja mereka yang mengikuti bengkel penyediaan perniagaan digalakkan untuk memasuki YEC, bahkan yang tidak ikut menyertai bengkel juga boleh memasuki pertandingan ini.

Penang Startup Accelerator Program

Untuk memastikan perjalanan belia yang telah mengikuti YEC dan juga belia yang berminat dalam bidang keusahawanan berterusan, satu program untuk menyediakan landasan kepada syarikat permulaan telah dilaksanakan. Penyertaan tidak terhad kepada mereka yang pernah menyertai YEC sahaja, tetapi turut terbuka kepada mereka yang berminat untuk memulakan syarikat permulaan atau sudahpun mempunyai syarikat permulaan.




Bengkel Kerjaya dan Kaunseling

Career Readiness and Counselling Workshop



Bengkel kerjaya dan kaunseling diadakan untuk menyediakan para belia sebelum mereka memasuki dunia pekerjaan. Dengan adanya bengkel ini, para belia dapat diberi pelbagai pengetahuan dan menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran pekerjaan. Pelbagai bengkel telah diadakan dengan kerjasama pelbagai pihak. Antara bengkel yang telah diadakan adalah, 'Resume & LinkedIn Workshop', 'Reconceptualising Accounting', dan 'Skills Youth Need to Excel and Interview Tips'.





Kisah Usahawan Muda (ToE)

ToE



Kisah Usahawan Muda yang lebih dikenali sebagai 'Tales of Entrepreneurs (ToE)' adalah satu platform yang bertujuan untuk membantu usahawan belia terus berkembang. ToE juga merupakan satu platform dimana mereka dapat berkongsi cerita mereka agar dapat memberi inspirasi kepada belia lain.







Perkembangan SOSIAL

Sukarelawan Belia Pulau Pinang

PENANG YOUTH VOLUNTEER







Sukarelawan Belia Pulau Pinang telah dilancarkan pada 1 Mac 2020 oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) di bawah MMK Belia dan Sukan Pulau Pinang. Penubuhan ini adalah untuk menyediakan pasukan sukarelawan dalam kalangan belia Pulau Pinang yang berkebolehan dalam memberikan perkhidmatan sukarela kepada masyarakat setempat dan membina hubungan belia dengan masyarakat.

Terdapat banyak aktiviti kesukarelawanan yang telah disertai oleh Sukarelawan Belia Pulau Pinang di bawah tujuh kategori yang berlainan iaitu, alam sekitar; bencana alam; kerja amal, pendidikan; pertolongan cemas; seni dan budaya; dan sukan.











Pusat Belia Pulau Pinang

PENANG YOUTH CENTRE

- Pusat Belia Bagan Jermal
- Pusat Belia Balik Pulau
- Pusat Belia Batu Kawan
- Pusat Belia Bertam
- Pusat Belia Bukit Bendera
- Pusat Belia Penaga
- Pusat Belia Penanti
- Pusat Belia Pulau Betong
- Pusat Belia Seberang Jaya
- Pusat Belia Sungai Pinang





Inisiatif ini adalah kerjasama antara PYDC dengan Majlis Pengurusan Kampung Komuniti (MPKK) setempat. Objektif mendirikan pusat belia adalah untuk memperkasakan penyertaan sosial belia dalam program-program yang memanfaatkan pembangunan diri mereka, mewujudkan platform bagi memberi pendedahan kepada para belia dari segi seni, kemahiran serta teknikal, peluang kerjaya, dan sebagainya, dan membekalkan satu ruang kepada komuniti belia setempat untuk menjalankan aktiviti yang bermanfaat.



Pelbagai aktiviti bermanfaat boleh dilakukan oleh belia waktu pusat belia setempat beroperasi. Selain itu, program-program seperti pameran kerjaya, ceramah kerjaya, klinik bimbingan, bengkel-bengkel seni, pertandingan sukan dan banyak lagi boleh diadakan untuk belia setempat di Pusat Belia tersebut.





Kesedaran Sivik

Kempen Umur 18 Jadi Calon & Undi 18

PYDC telah mengadakan Kempen Umur18 Jadi Calon untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia tentang isu pindaan had umur calon Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang. Antara fokus kempen ini termasuk soal selidik yang bertujuan untuk mengumpulkan pandangan belia dan juga persetujuan mereka untuk pelaksanaan pindaan tersebut.

Selain itu, Kempen Undi18 juga telah dilaksanakan untuk memberi kesedaran kepada belia bahawa mereka kini layak mengundi pada pilihan raya dan menentukan pemimpin negeri dan juga negara.





Sembang Covid-19

Kempen kesedaran Covid-19 PYDC berbentuk forum untuk berdiskusi tentang soalan berkaitan dengan penyebaran Covid-19, langkah-langkah pencegahan dan pembendungan yang telah diambil oleh kerajaan. Tujuan utama inisiatif ini adalah untuk menggalakkan penyertaan aktif belia dalam kempen Covid-19 yang telah dijalankan kerajaan.



"Membimbing rakyat ke arah penyertaan aktif dalam kempen Covid-19 Kerajaan..."

Sampai Bila?

Living with Covid

Home Quarantine

Biro Belia MPKK



Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan cadangan penetapan kuota dua orang belia dalam keanggotaan MPKK pada 26 Ogos 2020. Perkara ini telah berkuatkuasa bermula 1 Januari 2021 bagi pelantikan sesi baharu MPKK 2021/2022. PYDC telah menjalinkan kerjasama dengan MPKK khususnya Biro Belia dan Sukan dalam menganjurkan program-program yang melibatkan penyertaan belia. PYDC telah bekerjasama dan membantu MPKK dalam menganjurkan program supaya program pembangunan belia dapat dilaksanakan secara efektif dan ini akan melibatkan setiap KADUN.



Projek Pembangunan Belia Luar Bandar



Projek Pembangunan Belia Luar Bandar di bawah inisiatif Sukarelawan Belia Pulau Pinang yang bertemakan "Belia Untuk Masa Depan" telahpun dilaksanakan. Tujuan utama soal selidik ini adalah untuk mengenal pasti pembangunan belia luar bandar.

Inisiatif ini dapat menggalakan pembabitan golongan belia dalam aktiviti dan memperkukuhkan perpaduan Negara serta memperluaskan aktiviti sukan.





Peningkatan KEMAHIRAN



Sidang Muda



Sidang Muda merupakan program anjuran tahunan PYDC sejak tahun 2015.

Program ini merupakan satu siri latihan dan bengkel pendidikan pendemokrasi yang bertujuan untuk menekankan nilai kesedaran sivik, demokrasi dan kewarganegaraan dalam kalangan belia.

Bengkel Demokrat Muda

Bengkel yang bertujuan untuk melengkapkan belia dengan konsep dan idea teras politik dan demokrasi.





Bengkel Persediaan Sidang Muda

Memberi taklimat mengenai protokol dan perjalanan DUN. Persediaan untuk beraksi sebagai "Yang Berhormat" di Sidang Muda.





Sidang Muda

Mendedahkan belia dengan proses pembuatan polisi dan keputusan di peringkat negeri. Platform bagi belia untuk membahas dan berkongsi idea.





Projek Penempatan Ahli Sidang Muda

Tujuan projek ini adalah untuk meneruskan usaha program Sidang Muda untuk memberi pendedahan kepada golongan belia mengenai proses demokrasi di Malaysia serta meningkatkan penyertaan sosial belia. Perkara ini adalah untuk membuka ruang kepada Ahli Sidang Muda supaya dapat mendekati situasi sebenar menjadi seorang wakil rakyat.



Bakat Digital Muda Pulau Pinang

Platform ini menawarkan kursus digital yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengembangkan bakat digital dalam kalangan belia. Platform ini menyediakan ruang kepada belia kita yang mahu mempelajari ilmu baru yang akan mendatangkan banyak faedah kepada mereka. Perkara ini akan membangunkan komuniti digital belia sejajar dengan visi Penang2030 yang berhasrat untuk membangunkan Pulau Pinang sebagai hab bakat digital.

Melalui platform ini, golongan belia diberi ruang untuk memahami serta mengadaptasi landskap digitalisasi yang sentiasa berubah. Para belia akan menimba pengalaman sebenar melalui latihan praktikal yang perlu dijalankan oleh mereka untuk mendapatkan sijil kursus. Perkara ini akan memberi mereka peluang untuk lebih memahami apa yang telah dipelajari semasa kursus digital.







Pada Majlis Anugerah Bakat Digital Muda Pulau Pinang, seramai lima orang belia telah menerima anugerah kecemerlangan untuk 'Penang Young Digital Talent Performance Award.' Lima orang belia yang telah menerima anugerah tersebut ialah: Poh Choo Han, Tay Wan Nee, Chuah Khai Win, Oh Zi Jian, Ooi Si Sheng.

SIJIL KURSUS ASAS

- "Key Opinion Leader"
- "E-Commerce"
- "Digital Marketing"
- "Web Design"
- "Basic Graphic Design"
- "Business in the Game"
- "Game Development"
- "3D Development"



"Membekalkan Platform Pembelajaran dan Pengalaman Digital..."

Daya Tahan Belia Pulau Pinang dan Kursus Latihan Jurulatih

Penang Youth Resilience Superstars: Train-the-Trainer

Program ini dilaksanakan dengan usaha bersama PYDC dan Pertubuhan Wanita Mutiara Pulau Pinang. Program ini bertujuan untuk mempertingkatkan dan memantapkan daya tahan mental belia Pulau Pinang serta memperkasakan golongan belia. Sebelum program ini bermula, satu kursus latihan jurulatih telah diadakan agar jurulatih-jurulatih tersebut dapat membantu mentor sewaktu program berjalan.








Memperkasakan Potensi Anda: Kem Kepimpinan Maya




Kem kepimpinan ini dijalankan untuk memperkasakan potensi belia sebagai seorang pemimpin. Kem ini membina semangat dalam diri belia untuk melibatkan diri dalam aktiviti komuniti dan sikap altruisme dapat dibangkitkan dalam kalangan belia kita.

Kem yang dijalankan secara maya ini tidak tamat begitu sahaja. Setelah mengikuti kem ini, belia kita digalakkan untuk mengadakan program komuniti mereka sendiri dan sekumpulan peserta telah bersama-sama mengadakan satu aktiviti fizikal pada bulan Januari yang bertemakan 'Youth Eco Generation Campaign'.







Penambahbaikan DIRI



Program Kemahiran Insaniah

Selling Through the Language of the Mind


The Art of Self Coaching

Professional Financial Planning

Professional Writing Skills

Untuk memartabatkan belia kita secara menyeluruh, program kemahiran insaniah juga dilaksanakan pada setiap suku tahun. Pemantapan diri dalam kalangan belia haruslah dilihat sebagai satu landasan yang mendorong ke arah komunikasi yang berkesan serta pemahaman diri mereka. Program ini memfokuskan kepada kemahiran yang kurang ditekankan di peringkat sekolah dan pengajian tinggi bagi menyediakan mereka untuk dunia komunikasi efektif, menanamkan daya fikiran kritikal, kemahiran penyelesaian konflik serta kemahiran kepimpinan yang mantap dan efektif.





Personal Profile Building and Job Hunting

Innovative and Resilient Mindset

Critical Thinking and Effective Problem Solving

Crisis Leadership

Pengetahuan Kewangan

Kepentingan Perancangan Harta Pusaka untuk Belia

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PYDC amat menitikberatkan kepentingan pengurusan hartanah bagi golongan belia. Secara umumnya, belia seharusnya diberi pendidikan secara umum tentang aspek utama pengurusan hartanah dan harta pusaka. Bengkel ini telah melengkapkan belia dengan pengetahuan mengenai kepentingan perancangan harta dan juga wasiat. Ini akan memastikan belia kita diberi kelengkapan hidup yang akan menjadi semakin penting seiring dengan peningkatan usia.



Ceramah Pengenalan Pelaburan Saham

Satu ceramah tentang pengenalan pelaburan saham telah diadakan dengan kerjasama 'Jit Sin Alumni Intervarsity'. Ceramah ini telah disampaikan oleh Encik Harry Teo, Pengasas Sharix Sdn. Bhd. untuk meningkatkan kesedaran belia tentang pelaburan saham serta memupuk minat belia dalam pelaburan saham.



Webinar Pertolongan Cemas

Pengetahuan tentang pertolongan cemas amatlah penting dalam kehidupan kita untuk memastikan bahawa kita dapat membantu seseorang yang mengalami kecederaan sementara bantuan yang lebih profesional tiba agar kecederaan tidak bertambah teruk. Webinar ini telah menekankan topik-topik penting seperti cara-cara untuk mengendalikan kemalangan di rumah, kecederaan sukan, dan kecemasan perubatan.







Pembangunan
KREATIF



Belia Berirama

Pelancaran Laman Web Bakat Muzik Pemuda

Youth With Rhythm
Youth In Music



Laman Web Bakat Muzik Pemuda atau lebih dikenali sebagai 'Youth in Music' adalah satu platform dibawah inisiatif 'Youth with Rhythm' untuk mengumpulkan belia yang mempunyai bakat muzikal di Pulau Pinang. Secara tidak langsung, platform ini akan menghasilkan satu komuniti untuk mereka berhubung, berkolaborasi, dan mencipta nama dalam dunia seni.





Laman Web Bakat Muzik Pemuda

Pendaftaran untuk menjadi Bakat Muzik Pemuda terbuka kepada artis individu dan juga kumpulan dan akan disemak oleh panel juri yang telah lama berkecimpung dalam dunia seni untuk memastikan jaminan kualiti. Platform ini disediakan khas untuk belia di Pulau Pinang yang berumur 15 hingga 35 tahun dan mempunyai bakat dan minat dalam bidang muzik untuk menempa nama dalam dunia seni.



Paul Augustin	Cole Yew	Kamal Chopra	Vivian Lim
Pengarah Penang House of Music	Pengasas Bersama Soundmaker Studio	Anugerah Artis Terbaik Antarabangsa	Tutor Vokal dan Koir, UCSI University

Malam Mik Bebas

Program pertama di bawah inisiatif Bakat Muzik Pemuda adalah Malam Mik Bebas di mana sekumpulan pemuzik muda telah diberikan ruang dan peluang untuk menunjukkan bakat mereka kepada orang ramai. Malam Mik Bebas ini telah dapat mengumpulkan ahli muzik di bawah satu bumbung dan memberikan persembahan kepada orang ramai untuk berehat dan menikmati malam hujung minggu mereka.







Open Mic Night

Persembahan Bakat Hari Merdeka

Bersempena dengan perayaan Hari Kemerdekaan Malaysia ke-64, satu Persembahan Bakat Hari Kemerdekaan telah dilaksanakan. Persembahan bakat yang terbuka kepada golongan belia Pulau Pinang ini dilakukan untuk menyediakan platform kepada mereka untuk membuat persembahan dan juga mengembangkan bakat mereka.









Merdeka Talent Show

Belia Berirama: Edisi Musim Perayaan

Bersempena musim perayaan di Malaysia, PYDC telah mengadakan satu siri persembahan untuk bersama-sama meraikan hari perayaan yang terdapat di Malaysia. Persembahan telah diadakan pada Tahun Baru Cina, Deepavali, dan juga Hari Raya Aidilfitri agar kita dapat memeriahkan lagi musim perayaan dan berkongsi kegembiraan.







Seni Bergerak

Bengkel Asas Kopi dan Seni Latte

Dengan kerjasama PYDC dan beberapa kafe tempatan, bengkel untuk memperkenalkan tentang budaya kopi telah dijalankan. Sesi tentang cara-cara pembuatan seni latte juga telah diadakan pada masa yang sama untuk membangunkan komuniti penggemar kopi dalam kalangan belia di Pulau Pinang.





Bengkel Wau Bulan

Bersempena dengan Majlis Perasmian Pusat Belia Sungai Pinang, satu Bengkel Wau Bulan telah dilaksanakan. Bengkel ini yang telah dijalankan oleh Wak Long Music & Art Center bertujuan untuk menyediakan platform di mana para belia dapat mempelajari tentang warisan dan budaya di Malaysia.









Bengkel Wayang Kulit

Bengkel Wayang Kulit yang telah dianjurkan oleh PYDC dengan kerjasama Pusat Khidmat KADUN Air Itam dan Wak Long Music & Art Center ini diadakan untuk mendorong pemuda di Pulau Pinang mengambil bahagian dalam seni pertunjukan. Bengkel ini juga diadakan untuk menarik minat belia demi memastikan warisan ini kekal dalam kehidupan kita.







Siri Tahun Baru Cina



Bersempena dengan Perayaan Tahun Baru Cina, PYDC bersama MyHans dan Pusat Khidmat KADUN Pengkalan Kota telah mengadakan satu siri program budaya dan warisan kaum Cina. Siri program ini diadakan untuk menerokai budaya dan memberi kesedaran kepada golongan belia tentang budaya dan tradisi yang ada.



Bengkel Seni Menggunting Kertas dan Kaligrafi Cina

Bengkel Seni Menggunting Kertas dan Kaligrafi Cina ini telah dilaksanakan untuk memperkenalkan warisan kaum Cina kepada golongan belia agar warisan ini terus kekal wujud dalam kehidupan kita yang semakin moden ini. Dalam usaha membangunkan belia, budaya, warisan dan tradisi haruslah tidak dilupakan kerana tanpa budaya dan warisan, kehidupan kita tidak akan bermakna.












Bengkel Opera Teochew dan Pergerakan Badan

Bengkel Opera Teochew dan Pergerakan Badan anjuran PYDC dan Teochew Puppet & Opera House menawarkan pementasan seni tradisional agar memberi peluang kepada warga belia di Pulau Pinang untuk menghayati serta menghargai keindahan seni budaya ini.

E-Sukan

E-Sukan ataupun sukan elektronik adalah sejenis bentuk pertandingan dengan permainan video. Pertandingan e-sukan ini sering mengambil bentuk pertandingan permainan video pelbagai pemain, terutama antara pemain profesional, atau secara individu dan pasukan. Kini, e-sukan dilihat sebagai satu industri yang membuka ruang untuk dijadikan sebagai kerjaya.



E-Sukan bersama Kolej SEGi Pulau Pinang


Satu pertandingan e-sukan, 'Youth E-Sport Challenge' telah dilaksanakan bersama Kolej SEGi Penang. Pertandingan ini diadakan untuk mempromosikan dan memberikan inspirasi kepada golongan belia untuk melihat e-sukan sebagai satu platform pembelajaran dalam memperkembangkan kemahiran interpersonal yang amat kritikal dalam kehidupan.




Festival Digithon Belia

Festival Digithon Belia atau lebih dikenali sebagai 'Digithon Youth Festival' telah diadakan dengan kerjasama Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman Kampus Cawangan Pulau Pinang (TARUC). Pelbagai pertandingan e-sukan telah dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi, kerjasama, dan kepimpinan dalam kalangan belia. Perkara ini akan membentuk dan mengembangkan personaliti mereka secara holistik.

DIGITHON
YOUTH FESTIVAL







Kanvas Kosong

Kanvas kosong adalah satu inisiatif untuk artis tempatan dan belia berhubung dengan masyarakat setempat secara interaktif melalui hasil karya seni mural.



Seni Mural di Taman Riang

Tema seni mural di Taman Riang ini dipilih berdasarkan pemandangan yang terdapat di taman tersebut. Seni mural yang bertemakan Bunga Matahari yang penuh dengan keceriaan, kedamaian, dan kehijauan ini telah berjaya disiapkan dengan kerjasama Sukarelawan Belia Pulau Pinang dan artis, Puan Hunny Ooi dan Encik Dylan Teoh.

Seni Mural Penanti Lawan Dadah di Pusat Belia KADUN Penanti

Seni Mural Penanti Lawan Dadah di Dewan Badminton Taman Guar Perahu ini dilaksanakan dengan kerjasama Sukarelawan Belia Pulau Pinang, Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Pulau Pinang, Pusat Khidmat ADUN Penanti, dan artis, Encik Mukhalip bin Jamil. Seni mural ini diadakan bagi memberi kesedaran kepada komuniti tentang bahaya dadah dan juga untuk mempromosikan gaya hidup sihat kepada golongan belia.








Seni Mural Kempen Umur 18 Jadi Calon di Taman Dahlia

Logo Umur 18 Jadi Calon telah dilukiskan sebagai seni mural dengan kerjasama Sukarelawan Belia Pulau Pinang dan Youth Care Malaysia. Seni mural ini diadakan untuk merangsangkan semangat anak muda dalam aktiviti kesukarelawanan dan dalam masa yang sama menyebarkan kesedaran tentang Umur 18 Jadi Calon dalam kalangan belia.













Pejabat MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 53, KOMTAR, 10503 George Town, Pulau Pinang, Malaysia.
T +604-650 5136 / 604-261 9012
F +604-261 8744
E soonlipchee@penang.gov.my
FACEBOOK N08 Soon Lip Chee
INSTAGRAM soonlipchee

Youth For Future PG
LAMAN WEB https://www.youthforfuture.my/
INSTAGRAM https://www.instagram.com/youthforfuturepg/

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang
No. 1-02-01, Jalan Ahmad Nor, Pusat Dagangan Nova,
11600, Jelutong, Pulau Pinang, Malaysia.
T +6012-401 0816
E info@pydc.gov.my
LAMAN WEB https://pydc.com.my/
INSTAGRAM https://www.instagram.com/pydc.my/
FACEBOOK https://www.facebook.com/pydc.my
TELEGRAM https://t.me/+uEWU2LRejwE4N2ZI
TIKTOK https://www.tiktok.com/@pydc.my

ISBN 978-967-18515-3-1
9 789671 851531